



## Penggunaan Insulin dan Vaksin Meningitis Kepada Jemaah Haji Menurut Perspektif Islam

Ahmad Nuryani<sup>1,2</sup>, Nur Pratiwi<sup>2</sup>, Abdul Basir Mohammad<sup>1</sup>

1. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Email : ahmadnuryanfib@yahoo.com, abasir@ukm.edu.my

2. Jabatan Kerohanian, Persatuan Pelajar Indonesia  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

43600, Bangunan Pusanika, Bilik Pertubuhan Pelajar  
UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
E-mail : tiwi2109@gmail.com

---

**Abstrak** – Perkembangan sains dan teknologi telah memberi impak positif terhadap kehidupan manusia termasuk dalam penghasilan produk makanan dan perobatan. Dewasa ini telah timbul pelbagai isu halal haram sama ada berkaitan dengan bahan yang digunakan, cara pemprosesan dan penyediaan barang akhir kepada para pengguna. Khususnya berkaitan dengan bahan yang digunakan, isu yang seringkali timbul adalah sumber berdasarkan khinzir dan derivatifnya, darah, bangkai, alkohol dan arak. Sejajar dengan itu, dalam menangani isu berkenaan para fuqaha telah mengemukakan pendekatan bervariasi sebagai jalan penyelesaian terhadap persoalan yang timbul sama ada berdasarkan sumber primer dan sekunder hukum Islam. Sumber hukum ini dimobilasikan melalui ijтиhad sama ada berbentuk jama'i ataupun fardi. Dalam menjana aktiviti ijтиhad, beberapa nilai baru boleh diambil kira bagi memantapkan hukum yang akan diputuskan. Antaranya nilai budaya dan nilai saintifik. Justeru, kertas kerja ini akan menjelaskan tentang proses istihlah dalam perspektif ulama islam dahulu dan ulama islam masa kini hubungan timbal baliknya dengan hukum Islam. Beberapa isu tentang penggunaan obat-obatan berunsurkan benda haram bagi Jemaah haji akan dibincangkan bagi merealisasikan pengambilkiraan nilai saintifik dalam penetapan hukum Islam.

**Kata kunci:** Penggunaan Insulin, penggunaan vaksin, Jemaah Haji, penggunaan ubat, perubatan jemaah haji.

---

### I. Pendahuluan

Islam adalah agama yang *Syumul*, yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Agama Islam lebih mengambil berat tentang pemeluknya dari segi keselamatannya dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Agama Islam juga banyak memberi kemudahan-kemudahan bagi pemeluknya dalam semua keadaan yang boleh menjelaskan kepada kerosakan, terutamanya mengutamakan keselamatan nyawa pemeluknya. Didalam Agama Islam, menjaga nyawa termasuk daripada *Maqasid Syari'ah* kedua setelah menjaga agama yang sangat diperhatikan. Kerana nyawa merupakan hak Allah yang harus dipelihara dan dilindungi dari sebarang ancaman penyakit, pembunuhan dan sebagainya. Sehingga dalam kes pembunuhan Islam mewajibkan pelaksanaan hukum qisas keatas pembunuhan tersebut.

Dewasa ini, isu-isu mengenai halal dan haram dikalangan orang-orang islam tidak lagi berkisar setakat makanan dan minuman sahaja, tetapi status tersebut semakin meluas meliputi system kewangan, bahan gunaan, kosmetik dan juga obat-obatan.

Isu status mengenai ubat-ubatan yang tidak halal yang berasal dari sumber bahan haram seperti penggunaan enzim khinzir dalam penghasilan vaksin sering kali dibincangkan dalam berbagai forum dan media. Isu ubat daripada khinzir

merupakan isu kontemporari, sensitif dan kontroversi terutama bagi negara yang majoriti rakyatnya beragama islam. Produk ubat-ubatan seperti vaksin, ubat pembedahan, kencing manis dan sakit jantung banyak mengandungi bahan-bahan yang tidak halal. Meskipun islam banyak memberi kelonggaran sementara untuk mengambil ubat-ubatan yang mengandungi sumber haram dalam keadaan darurat, namun bagi pesakit yang menitikberatkan soal halal dan haram, mereka mempunyai hak untuk mengetahui dan membuat keputusan sama ada mahu menerima atau menolak ubat tersebut.

Sebagai pengantar kepada isu ini, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai insulin dan vaksin bagi jemaah haji dalam pandangan ulama kontemporer, apakah ianya menjaskan pengharaman dari segi hukumnya atau diperbolehkan dikeranakan doruriyat.

## II. Pengertian Insulin

Insulin merupakan protein manusia pertama yang disintesikan secara kimia. Secara tradisional, insulin untuk pengobatan manusia diisolasi dari pancreas sapi atau babi. Pada tahun 1981 telah terjadi perbaikan secara berarti cara menghasilkan insulin melalui rekayasa genetika. Insulin yang dihasilkan dengan seperti ini mempunyai struktur mirip dengan insulin manusia. Pembuatan insulin secara komersial sangat bermanfaat untuk mengobati penyakit *diabetes mellitus*.

Insulin merupakan suatu proses mengatur metabolisme gula dalam tubuh manusia. Penderita diabetes tidak dapat menghasilkan insulin dalam jumlah maksimal, sehingga diperlukan bantuan dari luar tubuh untuk memenuhi supply insulin.

suatu hormone polipeptida yang dihasilkan oleh sel-sel pulau *Langerhans* pancreas yang memiliki dampak regulasi glokosa. Insulin menghambat proses glikogenolisis dihati dan gluconeogenesis dihati serta ginjal serta merangsang pengambilan glukosa oleh otot dan jaringan lemak. Melalui teknologi DNA, insulin dihasilkan dengan menggunakan sel mikroba yang tidak pathogen. (<http://qurainiyanti.blogspot.com/2013>).

## III. Kenapa Babi Diharamkan ?

Islam adalah Agama yang memiliki satu cara hidup yang menyeluruh dengan mengambil kira keperluan manusia secara fizikal, spiritual maupun emosi. Allah s.w.t menciptakan kita dengan satu tujuan, iaitu untuk menyembah-Nya. Oleh sebab itu Allah tidak menginginkan kita hidup dalam keadaan terombang-ambing tanpa pegangan.

Seperti yang kita maklumi, daging babi haram dimakan.pengharamannya meliputi lemak, kulit, kuku, bulu dan seluruh bahagian badan yang berkaitan dengan babi, sama ada yang mentah ataupun yang sudah masak, yang disembelih ataupun yang tidak disembelih, sama ada untuk kegunaan makanan ataupun peralatan seperti berus, kasut, beg tangan, tali pinggang dan sebaginya.

Fakta yang menyatakan daging babi haram dimakan, kerana dalam daging babi mengandungi parasite dan penyakit berbahaya menjadi alas an yang kukuh pengharamannya. Walaubagaimanapun, alasan ini sepatutnya menjadi sebab yang kedua kerana sebab utama kita diharamkan memakan daging babi adalah kerana Allah s.w.t. telah memerintahkannya. (Abd Rahman, 2010: h. 21).

Pengharaman babi dalam Islam dalam Islam adalah berdasarkan kepada ayat-ayat suci al-Quran yang menyatakan dengan jelas hukum ini.

**إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرُ بَاغٍ وَلَا عَادَ فَلَا  
إِثْمٌ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.**

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah s.w.t., maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.” (Al-Baqarah: 173).

**قُلْ لَاّ أَجِدُ فِي مَا أَهْيَ إِلَيْيَ مُحَرَّمًا عَلَيْ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ  
الْخِنْزِيرِ فَإِنَّهُ رَجْسٌ أَوْ فَسَقٌ أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادَ فَإِنَّ رَبّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.**

“Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor, atau dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama selain dari Allah s.w.t., kemudian sesiapa yang terpaksa sedang ia tidak mengingininya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.” (al-An'am: 145).

Al-Quran menggunakan istilah lahmul khinzir (daging babi), berarti telah menyebut secara keseluruhan termasuklah urat, otak, darah, tulang, lemak dan lain-lain. Pandangan ini sesuai dengan kaedah usul fekah “*disebutkan sebagian yang dikehendaki seluruhnya*”. Perkataan daging (lahma) dalam bahasa arab telah merangkumi lemak, urat, kulit dan sebagainya. Sebagai contoh, didalam bahasa arab, orang yang gemuk disebut lahim, yang bermaksud orang yang berdaging. Seperti yang kita ketahui orang gemuk itu bukan dengan daging sahaja, tetapi dengan daging dan lemak. Oleh itu, apabila daging babi diharamkan, maka lemaknya dan seluruh tubuhnya haram untuk dimakan. (Abd Rahman, 2010: h. 23).

### *3. 1. Bahaya Dan Penyakit Berkaitan Babi*

Babi merupakan binatang yang diharamkan dalam Islam untuk dimakan, kerana dalam babi tersebut terdapat pelbagai jenis penyakit, sebagaimana sabda Rasulullah tentang pengharaman babi yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan berhala.*” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadits diatas ini pengharaman tetang jual beli babi. Didalam perkataan babi itu termasuk semua anggota badannya. Allah s.w.t telah mengharamkan babi sejak zaman dahulu lagi, namun hikmah pengharamannya baru sahaja disedari oleh para saintis. (Abd Rahman, 2010: h. 25).

Beberapa penyakit yang didapati daripada daging babi diantaranya:

### *3. 2. Selesema Babi HINI*

Pada 21 March 2010 kita masih teringat tentang kes jangkitan virus babi H1N1 yang merenggut 77 nyawa diMalaysia dan jumlah kematian terkumpul sebanyak 16931 kes diseluruh dunia. penularan virus ini sangat aktif dinegara-negara yang bersuatu sederhana seperti diEropa Timur dan Selatan, Asia selatan dan Timur, Asia Tenggara dan Utara Afrika. Kematian tertinggi telah dilaporkan diAmerika dengan jumlah 7576 kes dan diikuti oleh Eropa 4571 kes. (Abd Rahman, 2010: h. 25).

Selesema babi ini diketahui disebabkan oleh virus influenza A jenis H1N1, H1N2, H3N1, H2N3. Selesema babi pertama kali dilaporkan semasa wabak selesema 1918 apabila didapati babi sakit pada masa yang sama dengan manusia. walaubagaimanapun, jangkitan ini tidak dapat dipastikan sama ada berjangkit daripada babi kepada manusia ataupun daripada manusia kepada babi kerana selesema babi hanya diketahui setelah selesema manusia. (Abd Rahman, 2010: h. 26).

Menurut Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit, gejala atau tanda-tanda virus selesema babi pada manusia adalah sama halnya dengan selesema biasa secara amnya. Gejala termasuk demam, batuk, sakit tekak, sakit badan, sakit kepala, menggilir dan letih, pesakit juga mendakwa mengalami cirit birit dan muntah-muntah. Penyebab utama kematian adalah disebabkan kegagalan sistem pernafasan. Sebab-sebab yang lainnya termasuklah pneumonia (jangkitan paru-paru), demam yang teruk, dehidrasi (muntah-muntah dan cirit birit yang teruk) dan gangguan kandungan elektrolit dalam badan. (Abd Rahman, 2010: h. 27).

### *3. 3. Virus Nipah*

Pada tahun 1999, 4 orang pekerja dipusat penyembelihan babi diSingapura mengalami *encephalitis* (radang otak). Kemudian pusat penyembelihan tersebut ditutup dan semua pekerja-pekerja perlu menjalani pemeriksaan kesihatan. Virus Nipah ini dikenal pasti gejalanya ialah radang otak. Pesakit yang mengalami radang otak akan menderita sakit kepala, demam, gangguan cahaya dan juga sawan. (Abd Rahman, 2010: h. 27-28).

Mengikut data kajian taburan dan pengasingan virus, perumah virus Nipah yang dikenal pasti ialah kelawar buah dan keluang, yang kedua-dua sepsis ini terdapat diMalaysia. Penyebaran virus Nipah daripada kelawar kepada babi dipercayai berlaku akibat pertindihan antara kawasan habitat kelawar dengan kawasan peternakan babi diMalaysia. (Abd Rahman, 2010: h. 28).

Menurut Dr Ebrahim Kazim pula dalam tulisannya ‘Aspek Perubatan: Makanan yang diharamkan didalam Islam’ menjelaskan: “Babi ialah binatang pemakan bangkai yang memakan apa saja. Ia boleh mendatangkan pelbagai penyakit kepada manusia, khususnya jangkitan parasit”. Jumlah pesakit yang menghidap penyakit cacing pita yang tertinggi didunia adalah dikalangan penduduknya yang memakan daging babi. Cacing *Trichinella Spiralis* dan cacing usus menyebabkan penyakit-penyakit lain yang berpunca daripada babi. (Abd Rahman, 2010: h. 31).

## **IV. Babi Dalam Bidang Perubatan.**

### *4. 1. Mengapa Babi Digunakan Dalam Bidang Perubatan?*

Penggunaan babi dalam perubatan dan kajian bioperubatan semakin meluas pada hari ini. Peningkatan ini bukan sahaja disebabkan oleh tekanan undang-undang terhadap penggunaan sepsis binatang besar yang lain, tetapi juga disebabkan oleh babi yang dianggap model haiwan yang sesuai untuk kajian penyakit manusia kerana persamaan dari

segi anatomi dan fisiologi. Babi juga dikenalpasti sebagai model untuk kebanyakan system tubuh yang lain kerana populasi babi yang tinggi dan mudah didapati. (Abd Rahman, 2010: h. 35).

#### 4. 2. Kajian Perubatan Menggunakan Babi

##### 4. 2. 1. Penemuan Hormon Pembiakan, 1977.

Kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Guillemin telah menemui hormon pembiakan dengan mengkaji hampir 5 juta sampel daripada otak kambing manakala kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Schally telah menemui hormone serupa dengan kuantiti yang sama didalam otak babi. Hormon yang mereka temui ini kemudian dikenali sebagai *Ganadotropin Releasing Hormone* (GnRH). (Abd Rahman, 2010: h. 36-37).

##### 4. 2. 2. Penemuan Komputer Assisted Tomography (CT Scan), 1979.

Mesin pengimbas *Komputer Assisted Tomography* (CT Scan) merupakan satu cara pengimejan perubatan menggunakan kaedah tomografi yang dihasilkan melalui pemprosesan computer. CT Scan menghasilkan data yang digunakan untuk menggambarkan struktur tubuh melalui sinar X. CT Scan komersial yang pertama dihasilkan oleh Godfrey Hounsfield dari EMI Central Research Laboratories di Hayes. Dan alat ini bermula pada 1967. (Abd Rahman, 2010: h. 37).

##### 4. 2. 3. Penemuan Bakteria *Helicobakter Pylori*.

Bakteria *Helicobakter Pylori* pertama kali ditemui pada 1984 dan dikenal pasti sebagai salahsatu penyebab ulser dan jangkitan pada perut. Pelbagai sepsis bakteria Helicobakter kemudian ditemui dibagian-bagian pencernaan termasuk hati yang mungkin menjadi punca penyakit hepatitis pada manusia dan haiwan. Saintis telah menggunakan babi sebagai model kajian penyakit ulser perut yang dihidapi oleh manusia. Bakteria *Helicobakter Pylori* yang dikaitkan dengan ulser perut manusia telah berjaya dikolonikan didalam perut babi. (Abd Rahman, 2010: h. 38).

### V. Pengertian Darurat.

Dalam hal ini para ulama telah memberikan pengertian darurat berdasarkan firman Allah SWT. Artinya :

*“Diharamkan kepadamu bangkai, darah yang mengalir, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain selain Allah, dan yang mati tercekit, dan yang mati dipukul, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih, dan yang disembelih atas nama berhala, (dan diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik.pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (memesongkan kamu) daripada agama kamu. Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada-Ku. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerena kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya),kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi”.* (surah Al-maidah : ayat 3).

Ayat diatas telah menjelaskan bahwa makanan yang pada asalnya diharamkan menjadi halal dalam keadaan terpaksa ksekiranya diambil tanpa melampaui batas.

#### 5. 1. Keselamatan Nyawa.

Darurat secara ringkasnya ialah suatu keadaan dimana seseorang itu berhadapan dengan situasi yang melibatkan keselamatan nyawanya. Menurut Dr Wahbah Zuhaili darurat ialah berlaku keatas seseorang satu keadaan yang berbahaya, atau kesusahan yang sangat berat, yang mana diimbangi dengan berlakunya kemudaratian atau kesakitan terhadap jiwa, anggota badan, maruah, akal dan segala yang berkaitan dengannya. Pada masa itu, boleh melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib atau melewatkhan daripada waktunya, demi untuk menolak kemudaratian daripada berlaku mengikut pertimbangan dalam ruang lingkup peraturan syarak. (Wahbah al-Zuhayli 1997).

Ulama mazhab Syafie mengatakan “ skop darurat bukan sahaja sekadar takut kehilangan nyawa jika tidak memakan makanan yang haram itu, tetapi ditakuti juga akan berlaku kesakitan atau sakitnya bertambah teruk atau sakitnya itu berkepanjangan”.

Dr Yusuf al-Qardawi didalam kitabnya “Halal dan Haram Dalam Islam” menyentuh tentang keadaan darurat yang membolehkan sesuatu yang dilarang. Beliau turut menekankan dan mengingatkan umat Islam agar tidak mempermudah-mudahkan kelonggaran yang diberi oleh syarak ataas alas an darurat.

Menurut sebuah hadis riwayat Bukhari dan Muslim, Anas bin Malik berkata :

“Rasulullah memberi kelonggaran kepada Abdul Rahman bin Auf dan Zubair bin Awwam memakai sutera kerana penyakit gatal menimpa mereka”.

Walaupun sutera pada asalnya diharamkan keatas kaum lelaki, namun ia diharuskan apabila diperlukan untuk mengubati suatu penyakit. Riwayat ini menunjukkan harus berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang haram pada masa kecemasan. (Wahbah al-Zuhayli 1997).

### 5. 2. Konsep Darurat Dalam Perubatan

Islam memelihara lima prinsip utama syariah yakni Agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Melaksanakan dan menegakkan agama adalah dengan menegakkan lima rukun islam yang sudah diketahui umum. Umat islam mewajibkan supaya berjihad keatas mereka yang cuba meruntuhkannya agar senantiasa berkekalan. Sementara nyawa sebagai hak Allah yang wajib dipelihara daripada semua ancaman penyakit, pembunuhan dan sebagainya. (Wahbah al-Zuhayli 1997).

#### 5. 2. 1. Jauhi Perkara Memabukkan Dan Merosakkan Akal

Islam telah mewajibkan untuk memelihara akal dengan mencari ilmu bagi memantapkan minda, disamping menjauhi perkara-perkara haram yang boleh memabukkan dan merosakkan akal. Sementara dalam hal keturunan, islam memeliharanya dengan cara menggalakkan perkawinan supaya dengan itu kesinambungan keturunan dapat diteruskan. Islam melindungi keturunan dengan mengharamkan perzinaan dan pergaulan bebas yang boleh merosakkan keturunan manusia.

#### 5. 2. 2. Berusaha Melalui Jalan Yang Halal

Berhubung dengan harta benda, islam melindunginya dengan cara menggalakkan manusia berusaha mencari harta melalui jalan yang halal dan menghukum bagi mereka yang mengambil harta orang lain yang bukan hak mereka, dengan memotong tangan mereka. Disamping itu juga, islam memelihara masyarakat daripada kezaliman dan penindasan dengan mengharamkan penipuan, riba, rompakan dan sebagainya.

#### 5. 2. 3. Rukshah (Kelonggaran Hukum)

Hukum-hukum islam mempunyai azimah (ketetapan) dan rukshahnya. Hukum azimah adalah hukum asal yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul. Contohnya pengharaman arak dan khinzir serta mewajibkan pada bulan Ramadan. Sementara rukshah ialah kelonggaran yang boleh diaplakasikan dalam keadaan tertentu. Sebagai contoh pada saat kecemasan dan darurat, harus berbuka puasa Ramadan ketika sakit dan harus memakan daging khinzir disaat kebuluran. Orang islam diwajibkan beramal dengan hukum-hakam azimah melainkan apabila wujud suasana darurat yang megharuskan pengambilan rukshah. (Wahbah al-Zuhayli, 1997).

## VI. Syarat Harus Penggunaan Ubat Mengandungi Bahan Haram.

Dalam pertimbangan keharusan penggunaan ubat yang mengandungi bahan-bahan yang diharamkan, syarat-syarat untuk memastikan bahwa keperluan tersebut berada diperingkat darurat yang dipenuhi. Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama dan diguna pakai oleh majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia ialah: (Abd Rahman, 1981: h. 77).

1. **Darurat itu benar-benar berlaku**, bukan sesuatu yang tidak pasti. Dengan erti kata lain, telah berlaku atau wujud satu keadaan dimana kemusnahan atau kemudaratan pada lima perkara asas (agama, nyawa, akal, keturunan, harta) ataupun kemusnahan akan berlaku secara pasti ataupun berdasarkan kepada sangkaan yang kuat berpandukan pengalaman atau pengetahuan.
2. Seseorang yang berada dalam keadaan darurat itu **bertentangan dengan perintah atau larangan syarak**, atau tidak terdapat sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk menghilangkan kemudaratan melainkan perkara yang ditengah atau diharamkan.
3. **Usaha harus dilakukan** untuk memastikan bahwa kewujudan benda-benda halal yang lain tidak dapat menghindarkan kemudaratan yang menimpa kepada pesakit.
4. Pengambilan benda yang diharamkan itu **sekadar keperluan sahaja**.

Pada waktu pengubatan, pengambilan yang haram itu hendaklah **disyorkan, dipastikan dan diperakui** oleh seorang doctor atau pengamal perubatan muslim yang adil, diyakini amalan dan pegangan agamanya serta mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut. (Abd Rahman, 1981: h. 78).

## VII. Konsep Istihalah Dalam Perubatan.

### 7. 1. Pengertian Istihalah.

Istihalah dari sudut definisinya ialah suatu transformasi, perubahan ataupun pertukaran sesuatu bahan menjadi bahan bahan yang lain dan melibatkan perubahan dari sifat dan ciri-ciri asalnya menjadi sifat dan ciri-ciri yang baru. (Dr. Saadan Man, t.t : h. 442).

#### 7. 2. Pandangan Ulama Mengenai Istihalah

Dalam konsep asas istihalah ini, para ulama bersetuju dan menerima tanpa adanya perbezaan pendapat. Perbezaan pendapat hanya berlaku dari aspek penggunaannya iaitu ada ulama yang meluaskan penggunaannya manakala sebagian yang lainnya meminimumkan penggunaannya. Antara ulama-ulama yang meluaskan penggunaan istihalah ialah ulama mazhab Hanafi dan Maliki. Mereka menggunakan teori istihalah dalam konsep yang terbuka kerana mereka menerima

teori istihalah sebagai proses yang boleh mengubah satu bahan yang haram menjadi bahan yang halal secara semula jadi ataupun tidak. Sebagai contoh, arak yang bertukar menjadi cuka melalui proses penapaian secara semulajadi ataupun dengan menggunakan ejen pengubah tambahan.

#### 7.2.1. Pendapat Ulama Mazhab Hanafi

Para Ulama dalam Mazhab Hanafi kebanyakannya menerima konsep *istihalah* ini secara agak meluas walaupun terdapat sedikit perselisihan antara Muhammad dan Abu Yusuf. Ibn Nujaym dalam karyanya *al-Bahr al-Raqiq* menyebut (Ibn Nujaym, t.t: h. 238).

*“Antara perkara yang boleh menjadi suci sesuatu yang bercampur najis apabila bertukar atau berubah zatnya, seperti arak yang bertukar menjadi cuka. Masalah arak bertukar menjadi cuka tidak ada perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha’. Namun demikian dalam masalah ini seperti babi dan bangkai yang jatuh kedalam garam dan bertukar menjadi garam, maka garam tersebut boleh dimakan. Begitu juga dengan tahi binatang yang dibakar menjadi debu, maka abu itu adalah suci. Ini adalah pendapat yang dipegang oleh Muhammad, manakala Abu Yusuf berpendapat ia tetap najis walaupun zatnya berubah.”*

Ibn ‘Abidin dengan maksud yang sama menegaskan (Ibn ‘Abidin, t.t: h. 291).

*“Penyucian suatu yang najis boleh berlaku dengan proses perubahan ‘ain. Contohnya, minyak yang najis apabila dicampurkan kedalam bahan seperti sabun adalah suci sekiranya minyak berkenaan telah berubah ‘ainnya. Perubahan tersebut adalah perubahan satu hakikat kepada satu hakikat yang lain.”*

Al-Kasani pula dalam kitabnya *Bada’i al-Sana’i* menyatakan perkara yang sama.(al-Kasani, t.t: h. 442).

*“Mengikut Muhammad, sesuatu yang najis apabila bertukar sifat dan zatnya maka terkeluarlah dari keadaan najis, kerana najis adalah nama bagi sesuatu yang disifatkan. Apabila sesuatu yang disifatkan itu telah tiada maka tiadalah sifatnya, seperti arak yang bertukar menjadi cuka.”*

#### 7.2.2. Pendapat Ulama Mazhab Maliki

Pandangan dalam Mazhab Maliki berhubung perkara ini hampir menyerupai pandangan Mazhab Hanafi. Ibn Rusyd menguraikan dalam *Bidayat al-Mujtahid*. (Ibn Rusyd, t.t: h. 461).

*“Arak dan bekasnya menjadi suci apabila telah bertukar menjadi cuka dengan sendirinya, atau seara dipindahkan dari tempat yang ada bayang kebawah sinaran matahari atau sebaliknya (bagi mempercepat proses pertukaran), kerana sifat kenajisannya iaitu kuasa memabukkan itu telah hilang, tanpa menjadikan penggantinya (cuka) itu najis.”*

Al-Dasuqi pula menyatakan: (al-Dasuqi, *Hasyiyat al-Dasuqi*, t.t: h. 50).

*“Sesuatu yang berubah kepada yang baik adalah suci, sebaliknya sesuatu yang berubah kepada yang kotor atau yang buruk adalah najis, umpamanya susu anak Adam walaupun daripada orang kafir adalah suci kerana berlaku perubahan (istihalah) kepada yang baik. Manakala muntah yang terkeluar daripada usus adalah najis kerana berlaku perubahan (istilahah) kepada yang kotor.”*

Mazhab Maliki juga menganggap bahawa abu najis yang dibakar serta asapnya sebagai suci. bagaimanapun mazhab ini tidak menganggap kulit bangkai binatang yang melalui proses penyucian (*dabgh-samak*) sebagai suci. (al-Zuhayli, t.t: h. 109).

#### 7.2.3. Pendapat Ulama Mazhab Syafie.

Pada pandangan ulama-ulama mazhab Syafie dan juga Hanbali, konsep istihalah hanya boleh digunakan dalam keadaan tertentu sahaja. Ulama mazhab Syafie berpegang kepada pendapat bahawa bahan-bahan yang dikategorikan sebagai najis tidak boleh berubah menjadi bahan yang halal kecuali dalam tiga keadaan sahaja iaitu:

1. Arak yang berubah menjadi cuka secara semulajadi.
2. Kulit daripada bangkai haiwan kecuali khinzir dan anjing boleh menjadi suci selepas melalui proses samak.

Perubahan dari bahan menjadi haiwan seperti dari bangkai haiwan berubah menjadi ulat, pembentukan satu bentuk kehidupan yang baru. (al-Zuhayli, t.t : h. 110).

#### 7.2.4. Pendapat Ulama Mazhab Hanbali

Ulama mazhab hanbali pula dalam satu keadaan mengatakan sebarang bahan yang najis tidak boleh menjadi suci melalui proses istihalah kecuali arak yang bertukar menjadi cuka secara semulajadi. Proses perubahan yang berlaku akibat pembakaran, dibagh ataupun percampuran dengan bahan lain adalah tidak suci ataupun haram.

Berdasarkan pandangan ulama yang meluaskan penggunaan konsep istihlah, pendapat daripada ulama mazhab Hanafi dilihat lebih sesuai untuk digunakan berdasarkan kepada keadaan semasa sekarang. Pandangan ulama mazhab Hanafi ini selari dengan perkembangan saind dan teknologi dalam pengeshana halal haram menerusi ujian analisa makmal. Pelbagai penemuan dan kajian telah dijalankan dalam pengujian pengesahan status halal suatu bahan. Namun pandangan ulama mahab Syafie lebih diterima pakai oleh umat islam diMalaysia. (Wahbah al-Zuhayli 1:111-112).

### **VIII. Konsep Istihlah Dalam Perubatan.**

Konsep istihlah menurut penggunaannya dari segi fekah dikaitkan dengan percampuran suatu bahan dengan bahan yang lain sehingga hilang sifat-sifatnya dan ciri-ciri bahan tersebut, seolah-olah ia telah hancur walaupun bakinya masih ada seperti percampuran setitis arak dengan air yang sangat banyak.

Konsep istihlah disini membawa maksud sedikit bahan yang diharamkan atau najis bercampur dengan bahan yang baik, halal dan banyak sehingga hilang sifat-sifat bahan haram yang bercampur degannya seperti warna, baud an rasanya. Percampuran ini menghilangkan sifat najis dan hukum haram pada bahan tersebut dari kacamata syara'. (Wahbah al-Zuhayli 1997).

#### *8. 1. Prinsip Istihlak.*

Prinsip istihlah lebih mudah dipahami dengan contoh berikut:

*"seekor haiwan yang kencing kedalam sebuah tasik (seperti yang kebiasaan berlaku), air tasik tersebut masih halal diminum atau boleh digunakan untuk berwudhu selagi warna, baud an rasanya tidak berubah".*

Konsep istihlah juga boleh disebutkan konsep hancur bahan ataupun pencairan yang tinggi boleh didefinisikan sebagai;

*"Apabila sesuatu bahan yang haram dicairkan atau dicampur dengan bahan atau medium yang halal sehingga kesatu tahap dimana tiada lagi ciri-ciri bahan haram tersebut yang boleh dikesan oleh bahan medium yang halal, oleh itu kehadiran bahan haram tersebut boleh diabaikan".* (Wahbah al-Zuhayli 1997).

Dalam konsep istihlah disini, berdasarkan situasi yang berlaku dizaman Rasulullah s.a.w contohnya, ada sahabat yang bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang bangkai yang terjatuh kedalam sebuah perigi. Rasulullah s.a.w menjelaskan bahwa jika kandungan air lebih daripada jumlah tertentu, tiada halangan untuk menggunakannya.

Jumlah sukatan kandungan iar dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Ibnu Umar r.a yang menyatakan: Saya mendengar Rasulullah s.a.w ditanya tentang hukum air yang ditemui ditanah lapang dipadang pasir yang menjadi tmepat minuman haiwan liar. Sabda Baginda:

*"Apabila air sampai dua kulah, ia tidak lagi mengandungi sebarang kotoran".* (Hadis Abu Daud, At-Tarmizi, An-Nasa'I, Ibnu Majah dan lain-lain).

Menurut pandangan Dr Wahbah az-Zuhaili dalam *al-Fiqhul Islami Wa Adillatuhu*, dua kolah adalah bersamaan dengan 270 liter air. (al-Zuhayli, 1997).

#### *8. 2. Istihlak Dalam Penghasilan Vaksin Meningitis*

Dalam penghasilan Vaksin Meningitis, dimana bakteria Neisseria Meningitis yang digunakan dalam penghasilan vaksin berasal dari lot bakteria working seed, yang diambil daripada lot parent seed yang menggunakan bahan dari lembu dan enzim dari pankreas babi dalam media pembiakan. Enzim dari pancreas babi digunakan sebagai ejen pemangkin dan juga pemotong ikatan-ikatan protein untuk menjadi molekul yang lebih kecil iaitu asid amino.

Asid amino inilah yang menjadi sumber makanan kepada bakteria untuk berkembang dan membiak. Proses pembenihan dan penghasilan parent seed bakteria Neisseria Meningitis ini dibuat dibelanda sejak tahun 1960-an, dimana pada masa itu belum terdapat teknologi yang mampu menghasilkan pembuatan media dan pembiakan bakteria yang tidak menggunakan enzim khinzir atau bebas bahan haiwan sepenuhnya. (Abd Rahman, 1981: h. 92).

### **IX. Penggunaan Jelatin dan Penghasilan Vaksin.**

Ramai ulama yang bersetuju bahawa gelatin yang dihasilkan daripada haiwan yang disembelih dan dibenarkan menurut islam adalah halal. Tetapi terdapat berbezaan pendapat mengenai gelatin yang dihasilkan daripada khinzir dan bangkai.

Isu sumber gelatin yang halal dan haram ini telah dibahaskan dan sebagian ulama bersetuju bahawa gelatin yang diekstrak daripada sumber yang dilarang adalah haram manakala sebagian ulama yang lain menyokong idea bahawa gelatin yang diekstrak daripada sumber yang haram adalah halal kerana telah mengalami proses istihlah. (Abd Rahman, 1981: h. 86).

Proses penghasilan meningitis pada hari ini bermula dari penghasilan benih bakteria (lot parent seed) yang dibiakan dalam media yang menggunakan enzim khinzir sejak tahun 1960. Kemudian, syarikat farmaseutikal pengeluar vaksin pada hari ini menggunakan benih bakteria ini untuk menghasilkan *lot working seed*, bakteria *working seed* ini difermentasi dan kemudiannya polisakarida daripada dinding sel bakteria ini diambil, diasingkan, ditapis, dicuci dan dimurnikan sebelum dicantumkan dengan protein pembawa untuk menghasilkan vaksin.

Akhirnya, vaksin meningitis tersebut telah mengalami proses perubahan atau disebut proses istihlak ataupun pencairan yang tinggi melalui proses penyaringan, pencucian dan pemurnian yang berulangkali sehingga tiada lagi ciri-

ciri atau kesan-kesan enzim babi yang dapat dikesan pada peringkat akhir penghasilan produk. Vaksin yang terhasilkan adalah polisakarida ataupun oligosakarida daripada dinding sel bakteria dan bakteria yang digunakan dimatikan dan dibuang. (Abd Rahman, 1981: h. 93).

## X. Fatwa – fatwa Perubatan Dengan Menggunakan Babi.

### 10. 1. Fakta Meningococcal Meningitis

Meningitis sendiri adalah penyakit radang selaput otak. Penyakit ini terjadi padameninges, yaitu selaput (membran) yang melapisi otak dan syaraf tunjang. Meningitis dapat disebabkan berbagai organisme seperti virus, bakteri, ataupun jamur yang menyebar masuk ke dalam darah dan berpindah ke dalam cairan otak.

Meningitis yang disebabkan oleh bakteri bisa mengakibatkan kondisi serius, misalnya kerusakan otak, hilangnya pendengaran, kurangnya kemampuan belajar, bahkan bisa menyebabkan kematian. Sedangkan meningitis yang disebabkan oleh jamur sangat jarang. Jenis ini umumnya diderita oleh orang yang daya tahan tubuhnya menurun seperti pada penderita HIV/AIDS. (<http://anitanet.staff.ipb.ac.id%29/2013>).

#### 10. 1. 1. Fatwa Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke 53 (27 November 2002).

Fatwa ulama mengenai pemberian suntikan *Vaksin Menengococcal Meningitis* telah diputuskan semasa Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Kebangsaan kali ke 53 pada 27 November 2002. Muzakarah tersebut telah memutuskan mengenai hukum menggunakan pelalian *Meningococcal Meningitis Mencevax* yang diambil daripada sumber lembu adalah harus. manakala *Vaksin Pelalian Meningococcal Meningitis Menomune* yang mengandungi unsur babi adalah haram.

Ketika ini hanya terdapat dua jenis vaksin sahaja dipasaran iaitu *Jenama Mencevax* dan *Jenama Menomune*. *Vaksin Jenama Mencevax* adalah daripada sumber susu, jantung dan lemak lembu berbanding dengan *Vaksin Jenama Monomune* yang bahannya bersumber daripada khinzir. Permasalahan keraguan terhadap kandungan *Vaksin Jenama Mencevax* hanya melibatkan sumbernya iaitu lembu tersebut sama ada ianya disembelih atau sebaliknya. Sekiranya lembu tersebut tidak disembelih *Vaksin Mencevax* juga mengandungi bahan dari najis.

Keharusan menggunakan *Vaksin Jenama Mencevax* adalah berdasarkan kaedah fekah “*Akhafu al-Dhararin*” walaupun sumbernya daripada lembu yang belum dapat dipastikan ia disembelih ataupun tidak. Hal ini amat jelas bahawa penggunaan suntikan *Vaksin Jenama Menomune* yang mengandungi unsur babi tidak boleh digunakan. (Abd Rahman, 2010: h. 205).

Penegasan oleh pihak berkuasa amat diperlukan dan menyatakan bahawa Vaksin yang bersumber daripada bahan yang diharamkan adalah tidak dibolehkan dan diharamkan. Secara langsung pihak hospital atau klinik swasta perlu akur dan tiada alas an untuk tidak menyediakan Vaksin berjenama Mencevax bagi kegunaan suntikan Jemaah Haji atau Umrah Malaysia.

Pemberitahuan kepada masyarakat Islam Malaysia perlulah meliputi kedua-dua jenama vaksin iaitu *Menomune* dan *Mencevax*. Bahkan dinyatakan juga vaksin berjenama Menomune yang mengandungi asid animo khinzir adalah diharamkan. Maka hanya vaksin berjenama mencevax adalah diharuskan kerana tiada mengandungi sumber yang diharamkan oleh syarak. (Abd Rahman, 2010: h. 206).

#### 10. 1. 2. Fatwa Dalam Resolusi Islam Nadwah Pengurusan Islam dalam Perubatan Ke 8 (Mei 1995)

Dr Wahbah Zuhaili menyatakan bahawa walaupun bahan sumber yang asal daripada benda yang najis dan haram sekalipun namun jika ianya diproses dan berlaku perubahan atau pertukaran ‘ain yakni sifatnya maka ia dibolehkan. Hal ini mengharuskan untuk menggunakan *Vaksin Jenama Menomune* walaupun bahan sumbernya terdiri daripada unsur khinzir. (al-Zuhayli, 1995: h. 660)

#### 10. 1. 3. Fatwa Kementerian Kerajaan Arab Saudi (1 Juni 2006)

Sejak tahun 2002, Kementerian Kerajaan Arab Saudi telah mengharuskan negara-negara yang mengirimkan jamaah haji untuk memberikan vaksinasi meningitis meningokokus dan menjadikannya syarat pokok dalam pemberian visa haji dan umrah. Kebijakan ini diperbaharui dengan Nota Diplomatik Kedubes Kerajaan Saudi Arabia di Jakarta No 211/94/71/577 tanggal 1 Juni 2006 yang ditujukan kepada Departemen Luar Negeri tanggal 7 Juni 2006. Isinya memastikan suntik meningitis (vaksinasi meningitis meningokokus ACYW 135) bagi semua jamaah haji.

#### 10. 1. 4. Fatwa Muzakarah Jawatan Kuasa Kebangsaan Kali Ke 6 (10 Oktober 1983)

Fatwa mengenai suntikan ‘Highli Purified Insulin’ daripada babi telah diputuskan semasa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke 6 pada 10 Oktober 1983. Berpandukan kepada kaedah Fuqahah bahawa berubat dengan benda-benda yang asalnya najis adalah tidak harus, kecuali dalam keadaan darurat dan hajat. Maka Muzakarah berpandangan bahawasanya menyuntikan insulin daripada najis mughollazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Bagitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya. (Abd Rahman, 2010: h. 197).

Pendapat ini yang dijadikan panduan oleh Kementerian Kesihatan bukanlah suatu fatwa rasmi tetapi ia merupakan pendapat sekata yang dipersetujui oleh para Mufti Negeri-Negeri dan juga ulama yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja

menganggotai Jawatankuasa fatwa. Namun pada hari ini suntikan Insulin Babi sudah tidak digunakan lagi dihospital dan fasiliti kerajaan kerana telah digantikan dengan Insulin sintetik manusia (Human Sequence Insulin). (Abd Rahman, 2010: h. 197-198).

#### *10. 2. Pendapat Yang Rajih*

Dari semua Fatwa-Fatwa Ulama tentang penggunaan bahan haram dalam perubatan, pendapat yang rajih ialah Dr Wahbah Zuhaili menyatakan bahawa walaupun bahan sumber yang asal daripada benda yang najis dan haram sekalipun namun jika ianya diproses dan berlaku perubahan atau pertukaran ‘ain yakni sifatnya maka ia dibolehkan. (al-Zuhayli, 1995: h. 660). Waallahu’alam.

### **XI. Kesimpulan.**

Islam merupakan satu-satunya agama yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Termasuklah menjaga kesehatan, dimana islam amat menitik beratkan kesejahteraan tubuh badan sebagaimana islam menjaga nyawa, jiwa dan akal.

Dalam hal kesehatan islam meletakkan tempat yang pertama setelah keyakinan (iman). Suatu yang menjadi kewajiban bagi semua manusia untuk menjaga dan melindungi tubuh mereka daripada penyakit kerana kesihatan merupakan hal yang paling utama dalam melaksanakan kewajiban yang diperintahkan oleh Syarak. Kesehatan juga merupakan anugrah yang sangat berharga dari Allah s.w.t. sebagaimana didalam hadis mengatakan yang bermaksud: “*Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidak ada yang lebih baik dari kesehatan selepas keyakinan (iman)*”. (hadis: riwayat Ibnu Majah).

Dalam menuaikan ibadah haji dan umrah merupakan pengalaman yang sangat manis untuk ramai umat islam. Namun, adakalanya ia meninggalkan kesan yang pahit apabila kesehatan tidak mengizinkan untuk melaksanakan ibadah dengan sempurna. Jemaah haji merupakan tamu Allah yang dipilih dari seluruh penjuru dunia untuk menuaikan rukun Islam yang kelima. Oleh kerana itu, perlu persediaan disediakan bukan sahaja dari aspek keuangan dan kerohanian sahaja tetapi juga kesehatan tubuh badan. Dari Ibnu Majah dan Ibnu Umar, bahwa Rasulullah s.a.w bersabda:

“*Seseorang yang berjuang dijalanan Allah, orang yang menuaikan ibadah haji dan orang yang menuaikan ibadah umrah, semuanya adalah tetamu Allah. Doa mereka dikabulkan dan permintaan mereka diterima*”. (hadis: riwayat Ibnu Majah).

Penggunaan obat yang mengandungi benda haram bagi Jemaah haji diperbolehkan bagi mengelak daripada terjadinya kemudaratan yang lebih besar, kerana dalam Islam menjaga anggota badan sangatlah diambil berat. Dan Islam itu sendiri yang mewajibkan bagi pemeluknya untuk menjaga anggota badan daripada terkena penyakit. Maka dari itu, penggunaan Vaksin Meningitis dan insulin yang mengandungi babi diperbolehkan. Waallhu a’alamu bishawab.

### **Rujukan**

- [1] Al – Quran.
- [2] Al-Zuhayli Wahbah .1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Juz. 1, cet. 4, Damsyik: Dar Al-Fikr.
- [3] Abd Rahman. 2013. *Vaksin Haji Haram?*. Main/PJ/ISTAC/Nilai/K/K2/IIBF.
- [4] Dr. Saadan Man. 2009. *Pendekatan Istihlah Dalam Produk yang Berunsurkan Babi*, Seminar Najis Mughallazah dalam Dunia Kontemporari. Selangor.
- [5] Abd Rahman, B. Pham. 2012. *Halalkah Ubat Anda?*. Kuala Lumpur.
- [6] Zaharuddin Abd Rahman. 2010. *Jemaah Haji Malaysia Menggunakan Vaksin Haram?*. ([www.zaharuddin.net](http://www.zaharuddin.net))
- [7] Keputusan Fatwa Majelis Ulama Indonesia 06/2010. *Penggunaan Vaksin Meningitis Bagi Jemaah Haji Atau Umrah*. <http://www.mui.or.id>
- [8] <http://qurainiyanti.blogspot.com/2013/09/pembuatan-vaksin-dan-insulin.html>.
- [9] <http://anitanet.staff.ipb.ac.id%29/2013>
- [10] <http://www.jurnalhaji.com/2010/08/04/tak-ada-vaksin-meningitis-yang-bebas-enzim-babi/>